



Prof Daing Nasir (dua dari kiri) dan Prof Azlan **meneliti dokumen MoU** sambil diperhatikan Fadzil (kiri) dan Weng (kanan).

Memperkasakan **pembinaan struktur keluli**

Gambang: Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan meluaskan prospek kerjasama dalam pembangunan sumber manusia, akademik, penyelidikan dan latihan berkaitan kejuruteraan struktur bagi membantu industri pembinaan struktur keluli di Malaysia.

Kerjasama termeterai menerusi satu memorandum persefahaman yang ditandatangani bersama-sama Malaysian Structural Steel Association (MSSA), pada satu majlis yang berlangsung di kampus UMP Gambang, baru-baru ini.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam,

Fadzil Mat Yahaya mewakili UMP manakala MSSA diwakili Prof Azlan Adnan dan Ir Foong Tong Weng.

Latihan praktikal

Menerusi kerjasama itu, pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam UMP berpeluang mendapat pendedahan latihan praktikal dalam bidang pembinaan membabitkan struktur besi di MSSA.

Prof Daing Nasir berkata, pendedahan membolehkan pelajar memahami dan peka terhadap cabaran berkaitan industri ini sekali gus mampu meningkatkan nilai kebolehpasaran mereka di pasaran kerja.

Katanya, kerjasama turut merang-

kumi inisiatif lain termasuk latihan sangkutan, penyelidikan bersama-sama dan penyertaan staf daripada kedua-dua pihak secara kolektif.

Pada majlis itu, Prof Daing Nasir turut melancarkan Buku Modul Panduan Latihan Industri Berstruktur yang diusahakan UMP bersama-sama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Penerbitan buku itu memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai pelaksanaan latihan industri serta aspek penting sebagai seorang jurutera profesional kepada pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam yang mengikuti latihan industri pada semester keenam.